

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semasa Cuti Panjang  
Sidang Akademik 1998/99

April 1999

AOP352 - PERNIAGAAN ANTARABANGSA

Masa: [ 3 jam]

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA BELAS (12)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **TIGA (3)** soalan. Soalan-soalan daripada Bahagian A adalah **WAJIB**. Bagi Bahagian B, Soalan 2 adalah **WAJIB** dan pilih **SATU (1)** soalan daripada Soalan 3 atau Soalan 4. Jawapan bagi Bahagian A hendaklah ditandakan dalam borang OMR dengan pensil 2B dan dihantar berasingan daripada buku jawapan. Setiap soalan salah,  $\frac{1}{4}$  markah akan ditolak. **PASTIKAN ANDA MENULIS ANGKA GILIRAN.**

**Bahagian A - WAJIB**

**Soalan 1**

1. Potensi jualan mungkin pembolehubah terpenting dalam penentuan keputusan lokasi dan pelaburan. Penyataan ini bergantung kepada andaian bahawa
  - (a) permintaan pengguna melebihi bekalan.
  - (b) jualan dibuat dengan keuntungan.
  - (c) dasar kerajaan menahan pesaing dan memasuki pasaran sama.
  - (d) sumber bahan mentah tersedia di negara hos bagi mempasti bekalan.
2. Jika sesuatu syarikat berjaya mengekspot ke sesebuah negara dan sedar bahawa tiada ancaman terhadap ekspot ini, ia akan
  - (a) lebih mengutama membina kilang baru dari membeli kilang tersedia ada dalam negara tersebut.
  - (b) meningkat harga dan mengamal taktik monopolistik untuk menghalang syarikat lain memasuki pasaran.
  - (c) kurang menjalankan penganalisaan lokasi kilang disebabkan persekitaran perniagaan yang baik dalam pasaran yang dituju.
  - (d) mempunyai motivasi yang rendah untuk memindah pembuatan ke negara tersebut.

...2/-

3. \_\_\_\_\_ merupakan kos pengilang asing yang paling mustahak bagi kebanyakan syarikat melebihi 60 peratus daripada kos selain dari cukai
- (a) Kos pengangkutan
  - (b) Kos bahan mentah
  - (c) Kos penyelidikan dan pembangunan
  - (d) Ganjaran pekerja-pekerja
4. Satu kritikan biasa terhadap MNC adalah mereka
- (a) merosakkan persekitaran.
  - (b) tidak memberi latihan yang cukup kepada pekerja-pekerja mereka.
  - (c) mendominasi penubuhan kredit di negara-negara maju.
  - (d) menghapus pemikiran nationalistik pekerja-pekerja mereka.
5. Penyokong MNC mendakwa bahawa kebaikan operasi MNC adalah mereka
- (a) mengukuh unit keluarga.
  - (b) memberi perundingan percuma kepada negara-negara sedang membangun.
  - (c) memasuki pasaran di mana tiada pengambilalih syarikat tempatan berlaku.
  - (d) meningkatkan hasil cukai.
6. Pencurian harta intelektual di perangi
- (a) kerajaan tetapi bukan syarikat.
  - (b) syarikat tetapi bukan kerajaan.
  - (c) melalui pendakwaan mahkamah dan ancaman batasan perdagangan.
  - (d) hanya di Amerika Utara dan Eropah.
7. Salah satu daripada berikut BUKAN sebab utama syarikat melibatkan diri dalam ekspot.
- (a) Bagi mengembangkan jualan.
  - (b) Bagi mengelak membayar cukai untuk jualan di negara sendiri.
  - (c) Bagi mencapai ekonomi skala dalam pembuatan.
  - (d) Bagi mengatasi kelebihan kapasiti dalam pasaran domestik.
8. Yang mana daripada pernyataan berikut benar bagi Sogo Shosha?
- (a) Mereka adalah syarikat dagangan besar Korea yang mengurus ekspot bagi pekilang-pekilang.
  - (b) Mereka adalah syarikat terbesar di dunia dari segi dagangan.
  - (c) Mereka memulakan operasi dengan menjual bahan mentah kepada negara industrial dan setelah itu mengimpor barang siap ke negara mereka.
  - (d) semua di atas adalah betul.

9. Syarikat Jepun yang mempunyai tuan punya saham-saham berkait-kait dan yang mungkin di bentuk di sekeliling bank digelar sebagai
- (a) Sogo Shosha berkumpulkan bank.
  - (b) Zaibatsu bertumpu industri.
  - (c) Keiretsu.
  - (d) Chaebol.
10. Perjanjian pelesenan adalah kontrak di antara tuan lesen dan penyewa lesen, di mana penyewa lesen membayar royalti kepada tuan lesen dan digantikan dengan
- (a) hak bagi harta ketara (tangible) bagi masa tertentu.
  - (b) hak bagi harta tidak ketara (intangible) bagi masa tertentu.
  - (c) hak bagi harta tidak ketara sampai bila-bila.
  - (d) hak bagi harta ketara sampai bila-bila.
11. Adaptasi produk biasanya memerlukan perubahan bagi yang berikut kecuali:
- (a) rasa.
  - (b) gaya.
  - (c) pembungkusan.
  - (d) objektif.
12. Pembangunan francais antarabangsa paling cepat berlaku dalam
- (a) perkhidmatan, perniagaan dan makanan
  - (b) wakil penjual kereta dan lori.
  - (c) perkhidmatan stesyen minyak.
  - (d) pembotolan minuman ringan.
13. MNC Amerika lebih cenderung bagi mengguna struktur bahagian antarabangsa berbanding MNC dari negara lain kerana
- (a) saiz besar pasaran domestik Amerika.
  - (b) penguasaan firma Amerika dalam memiliki pelaburan antarabangsa.
  - (c) peraturan yang memberi MNC Amerika kelebihan cukai.
  - (d) kebaruan MNC bukan Amerika sebagai pemain-pemain global.
14. Apabila barisan produk menjadi semakin berbagai, sesuatu syarikat harus berubah struktur dari
- (a) fungsional kepada antarabangsa.
  - (b) fungsional kepada produk.
  - (c) antarabangsa kepada geografik.
  - (d) fungsional kepada matrix.

15. MNC yang tidak menggalakkan autonomi pekerja akan menghadapi kemungkinan peningkatan
- (a) mogok pekerja.
  - (b) penghilangan ekonomi skala.
  - (c) penghilangan pengurus tempatan kepada pesaing.
  - (d) pengambilalihan harta oleh kerajaan.
16. Syarikat boleh membangunkan budaya korporat secara global melalui
- (a) mengancam pekerja-pekerja yang degil.
  - (b) menugaskan pengurus-pengurus ke berbagai negara.
  - (c) peningkatan dalam pendermaan kepada badan-badan seni.
  - (d) penggalakkan falsafah polisentrik.
17. Strategi kompetitif yang fokus kepada pengurangan kos pembuatan digelar sebagai
- (a) efisiensi.
  - (b) kebolehpercayaan.
  - (c) kualiti.
  - (d) fleksibiliti.
18. Kawasan yang ditetapkan oleh kerajaan di mana cukai boleh dilambatkan digelar sebagai
- (a) zon tarif.
  - (b) kawasan dagang bebas.
  - (c) pertembungan pembuatan.
  - (d) kawasan fleksibiliti.
19. Perubahan produk paling selalu dibuat oleh pengeluar adalah
- (a) pembungkusan.
  - (b) rasa dalam produk makanan.
  - (c) plug bagi produk elektrik.
  - (d) pemudahan produk (simplification).
20. Satu masalah dalam menetapkan harga ekspor di bawah harga yang dijual kepada pengguna domestik adalah ia boleh membawa kepada
- (a) sungutan oleh pengguna di negara-negara impot.
  - (b) sungutan oleh pengguna di negara-negara ekspor.
  - (c) tuduhan pembuangan (dumping) di bawah peraturan GATT.
  - (d) pengedar-pengedar yang bersungut mengenai jualan pasaran kelabu (grey).

21. Syarikat-syarikat yang mempunyai orientasi negara asal mereka yang kuat biasanya akan mengikut strategi penyelidikan dan pembangunan yang mana?
- (a) Pemusatkan (centralisation).
  - (b) Pemencaran (decentralisation).
  - (c) Pelbagai domestik.
  - (d) Pertukaran ide.
22. Modal ekuiti boleh dicari daripada yang berikut kecuali daripada:
- (a) ibu pejabat.
  - (b) rakan usahasama di negara asal.
  - (c) rakan usahasama di negara hos.
  - (d) isu eurobond.
23. Strategi pimpinan (lead) bermakna
- (a) sesuatu syarikat mengutip atau membayar selambat yang boleh.
  - (b) syarikat menjual produk murah dahulu sebulan menjual produk mahal.
  - (c) syarikat mengutip atau membayar secepat yang boleh.
  - (d) syarikat masuk ke kontrak hadapan sebelum tempoh libaliti.
24. Instrumen perlindungan nilai yang membenarkan penetapan kadar pertukaran tetap bagi transaksi masa depan di mana serahan diperlukan adalah:
- (a) kontrak serta merta masa depan.
  - (b) kontrak masa depan.
  - (c) suatu opsyen.
  - (d) kontrak pelaburan.
25. Instrumen perlindungan nilai yang membenarkan penetapan kadar pertukaran tetap bagi transaksi masa depan di mana serahan tidak diperlukan adalah:
- (a) kontrak serta merta masa depan.
  - (b) kontrak masa depan.
  - (c) suatu opsyen.
  - (d) kontrak pelaburan.
26. Apabila syarikat itu polisentrik
- (a) terdapat kurang usaha untuk mencapai efisiensi global dengan cara menggunakan amalan berpiawai di luar negara.
  - (b) kakitangan ibu pejabat dihantar keluar negara untuk menerajui subsidiari-subsiadiari.
  - (c) mereka lebih condong menggunakan jaringan berbilang hala (multilateral).
  - (d) mereka terlibat dalam industri berteknologi tinggi.

27. Expatriat adalah
- (a) warga tempatan dari negara subsidiari asing.
  - (b) sama ada warga negara ketiga atau tempatan.
  - (c) individu yang berkhidmat di luar negara asal.
  - (d) individu yang terlibat dalam perniagaan antarabangsa.
28. Semua dari berikut adalah contoh warga tempatan kecuali pengurus
- (a) Thai bekerja dengan syarikat Thai di Amerika Syarikat.
  - (b) U.S. bekerja dengan syarikat Thai di Amerika Syarikat.
  - (c) U.S. bekerja dengan syarikat U.S. di Amerika Syarikat.
  - (d) Thai bekerja dengan syarikat U.S. di Thailand.
29. Satu contoh bagi warga negara ketiga adalah warga
- (a) dua kerakyatan (Kanada dan U.S.) bekerja untuk syarikat Mexico di Mexico.
  - (b) Kanada bekerja untuk syarikat U.S. di Mexico.
  - (c) Thai bekerja untuk syarikat U.S. di Thailand.
  - (d) U.S. bekerja untuk syarikat U.S. di Kanada.
30. \_\_\_\_\_ mengisi kebanyakkan jawatan pengurus di ibu pejabat serta operasi subsidiari asing.
- (a) Pakar-pakar
  - (b) Warga negara ketiga
  - (c) Warga negara asal
  - (d) Warga tempatan
31. Salah satu kelebihan menggunakan warga negara asal bagi pengurusan subsidiari adalah mereka
- (a) biasanya kurang mahal.
  - (b) boleh menolong syarikat menyebar budaya korporat.
  - (c) akan lebih condong untuk mengambilkira objektif jangkamasa panjang syarikat.
  - (d) diterima lebih senang lagi oleh pekerja tempatan.
32. Syarikat yang mengikut strategi global dan tidak strategi pelbagai domestik akan lebih berkemungkinan untuk menggunakan
- (a) warga negara hos bagi posisi pengurusan atasan di negara asing.
  - (b) pengurus ekspatriat.
  - (c) pengurus tempatan.
  - (d) warga negara asal bagi posisi korporat.

33. Wanita yang ditukarkan ke luar negara lebih berkemungkinan untuk diterima oleh rakyat tempatan apabila
- (a) mereka masih muda.
  - (b) mereka pergi ke tempat yang sudah terdapat pengurus wanita dalam jawatan pengurusan.
  - (c) hanya sedikit maklumat awal disebarluaskan tentang kehadiran mereka.
  - (d) jangkamasa kerja mereka di negara itu lebih rendah dari biasa.
34. Satu masalah yang dihadapi pekerja setelah pulang dari bertugas di luar negara adalah
- (a) tidak terdapat pengganti yang baik di pejabat asing tersebut.
  - (b) berbagai jabatan bersaing kuat untuk mengambil pengurus yang pulang itu.
  - (c) syarikat perlu memberi upah yang lebih tinggi.
  - (d) expatriat yang pulang tersebut mempunyai status sosial yang rendah dan autonomi yang kurang berbanding semasa di luar negara.
35. Pelaburan menerus asing adalah
- (a) secara amnya ditentang oleh pekerja di negara asal.
  - (b) secara amnya ditentang oleh pekerja di negara hos.
  - (c) diharapkan menjana aliran masuk modal bersih ke negara hos.
  - (d) tidak penting bagi kesatuan sekerja domestik.
36. Pekerjaan seumur hidup di Jepun
- (a) diberi kepada semua pekerja.
  - (b) telah menolong syarikat mengamalkan sistem automasi secara berkesan.
  - (c) diterima oleh pekerja sambilan disebabkan pengangguran tinggi.
  - (d) bermakna pekerja lebih rela untuk mogok.
37. \_\_\_\_\_ adalah budaya di mana konteks sesuatu perbualan adalah sama penting dengan perkataan yang disuarakan.
- (a) Budaya konteks tinggi
  - (b) Budaya konteks rendah
  - (c) Individualisme
  - (d) Jarak kuasa
38. Salah satu dari yang berikut bukan bahasa senyap yang dicadangkan oleh Edward T. Hall.
- (a) Bahasa masa.
  - (b) Bahasa persetujuan.
  - (c) Bahasa persahabatan.
  - (d) Bahasa Keugamaan.

39. Bagi menilai pasaran asing, syarikat harus mengambil kira faktor-faktor tersebut kecuali
- (a) potensi pasaran.
  - (b) persekitaran politik dan undang-undang.
  - (c) kadar pertukaran asing.
  - (d) tingkat persaingan.
40. Strategi yang direkabentuk dengan baik harus mempunyai komponen-komponen berikut kecuali
- (a) skop operasi syarikat.
  - (b) sinergi operasi.
  - (c) kecekapan istimewa.
  - (d) gol terpenting.
41. Korporat multinasional boleh membuat pelaburan menerus dengan cara-cara berikut kecuali strategi
- (a) padang hijau.
  - (b) pengambilalih.
  - (c) pelesenan
  - (d) usahasama.
42. Marubeni, ITOCHU Corporation dan kumpulan SUMITOMO adalah contoh-contoh bagi syarikat
- (a) Chaebol.
  - (b) Sogo Sosha.
  - (c) Zaibatsu.
  - (d) Kaizen.
43. Salah satu dari berikut tidak menyumbang kepada pembentukan budaya korporat yang kukuh dan diterima pekerja.
- (a) Legenda syarikat.
  - (b) Simbol seperti logo korporat.
  - (c) Pengalaman yang dikongsi.
  - (d) Visi pekerja-pekerja.

44. Bagaimana sesuatu organisasi merekabentuk keseluruhan organisasi sebagai tindakbalas kepada perubahan dalam persekitaran atau strateginya adalah di bawah linkungan kawalan
- (a) strategik.  
(b) organisasi.  
(c) operasi.  
(d) fungsional.
45. Salah satu dari pendekatan tersebut tidak boleh menolong organisasi menjadi lebih produktif,
- (a) Mengubahsuai matlamat organisasi ke arah visi.  
(b) Berbelanja lebih ke atas penyelidikan dan pembangunan.  
(c) Menambahbaikan operasi.  
(d) Meningkatkan penglibatan pekerja.
46. Apabila syarikat memasarkan produknya di peringkat antarabangsa mengikut cara ia melakukannya di kawasan domestik ia dikatakan mengikut pendekatan
- (a) etnosentrik.  
(b) geosentrik.  
(c) polisentrik.  
(d) regiosentrik.
47. Apabila syarikat mengadaptasi campuran pemasaran bagi memenuhi keperluan spesifik setiap pasaran asing ia beroperasi ia dikatakan mengikut pendekatan
- (a) etnosentrik.  
(b) geosentrik.  
(c) polisentrik.  
(d) regiosentrik.
48. Pempiawaian dalam pendekatan pemasaran antarabangsa akan memberi faedah tersebut kecuali
- (a) kos pemasaran yang rendah.  
(b) membenarkan kawalan pusat program pemasaran.  
(c) membenarkan eficiensi dalam penyelidikan dan pembangunan.  
(d) membenarkan kepatuhan rapat kepada keperluan pasaran.

49. Pemadanan (customisation) dalam pendekatan antarabangsa akan memberi faedah berikut kecuali
- (a) membenarkan penyesuaian kepada perbezaan undang-undang dan peraturan.
  - (b) mengambil kira perbezaan dalam corak belian pengguna.
  - (c) mencerminkan trend kepada satu pasaran dunia.
  - (d) mempromosi initiatif tempatan dan motivasi melaksanakan program pemasaran.
50. Syarikat antarabangsa biasanya mengawal salah satu dari dasar harga tersebut kecuali
- (a) dasar satu harga.
  - (b) dasar harga dua peringkat.
  - (c) harga pasaran.
  - (d) dasar harga tiga peringkat.
51. Salah satu daripada berikut bukan kebaikan yang dibawa oleh korporat multinasional kepada negara hos.
- (a) Membawa modal untuk pembangunan dan pertumbuhan.
  - (b) Membuka pasaran asing kepada negara.
  - (c) Memberi pekerjaan kepada semua peringkat pekerja.
  - (d) Meningkatkan eksploitasi negara.
52. Salah satu daripada berikut bukan faktor yang harus diambil kira oleh MNC dalam aktiviti pembuatannya.
- (a) Keutamaan pelanggan kepada sesuatu produk.
  - (b) Pilihan proses pembuatan.
  - (c) Pelesenan teknologi.
  - (d) Lokasi dan saiz operasi pembuatan.
53. Kesemua adalah contoh risiko politik kecuali
- (a) pengambilalihan harta syarikat.
  - (b) perperangan saudara.
  - (c) inflasi.
  - (d) pengambilalihan hak cipta.
54. Organisasi boleh menilai risiko politik melalui
- (a) penganalisaan corak lepas.
  - (b) penganalisaan kadar pertumbuhan pasaran.
  - (c) penganalisaan ketidakstabilan.
  - (d) penganalisaan pendapat.

55. Berikut adalah faktor-faktor yang menjadi justifikasi negara mengenakan batasan perdagangan kecuali
- (a) industri baru.
  - (b) industri bayi.
  - (c) industri tua.
  - (d) tindakbalas.
56. Berikut adalah bentuk untuk batasan bukan tarif kecuali
- (a) keperluan membeli bahan-bahan tempatan.
  - (b) kawalan matawang.
  - (c) kawalan pelaburan.
  - (d) kawalan jenis pengiklanan.
57. Berikut adalah faktor-faktor bekalan yang mempengaruhi pelaburan asing menerus kecuali
- (a) kos pembuatan.
  - (b) logistik.
  - (c) permintaan pengguna.
  - (d) sumber asli yang tersedia ada.
58. Teori \_\_\_\_\_ menyatakan bahawa kelebihan monopolistik domestik boleh digunakan untuk menembusi pasaran asing melalui pelaburan asing menerus
- (a) eklektik.
  - (b) pendalamian (internalisation).
  - (c) kelebihan tuan punya.
  - (d) monopolistik berkesan.
59. Kesemua berikut adalah isu dalam perdagangan antara kawasan (interregional) kecuali
- (a) Hak manusia dan demokrasi.
  - (b) Piawai dan peraturan.
  - (c) Pekerja kanak-karoke.
  - (d) Ketidakpercayaan dan kejahilan.
60. Kesemua negara-negara tersebut adalah ahli ASEAN kecuali
- (a) Cambodia.
  - (b) Vietnam.
  - (c) Laos.
  - (d) Myanmar.

[50 markah]  
...12/-

1999

AOP352

Bahagian B

Jawab Soalan 2 (WAJIB) dan pilih SATU (1) soalan lain.

Soalan 2 (WAJB)

Bincangkan persamaan dan perbezaan falsafah dan gaya pengurusan syarikat-syarikat multinasional Jepun, Amerika dan German dalam mengurus perniagaan mereka.

[25 markah]

Soalan 3

Andaikan anda pengarah urusan bagi kumpulan Syarikat Renong. Anda baru sahaja membuka sebuah kilang membuat beg-beg berkualiti di India dan anda sedang mencari pengurus-pengurus bagi operasi tersebut.

- (a) Apakah faktor-faktor yang harus diambil kira sama ada ada untuk melantik pengurus dari Malaysia (asal) atau India (tuan rumah)?
- (b) Apakah kebaikan dan keburukan kedua-dua alternatif tersebut?

[25 markah]

Soalan 4

Bincangkan mengapa syarikat multinasional antarabangsa mengamalkan sekutu strategik (strategic alliance) dengan pesaing-pesaing mereka dan apakah masalah-masalah yang menimpa kebanyakan dari sekutu strategik ini?

[25 markah]

---ooo000ooo---